

16 OCT 1997

AEM: PAKEJ PERKHIDMATAN DI BAWAH LIBERALISASI PERDAGANGAN AKAN DISAHKAN

Oleh: Azlina Aziz

PETALING JAYA, 16 Okt (Bernama) -- Pakej pertama perkhidmatan di bawah liberalisasi perdagangan akan disahkan dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi Asean (AEM) ke-29 yang bermula hari ini.

Perkhidmatan itu merangkumi pelancongan, telekomunikasi, perkhidmatan pengangkutan maritim dan udara dan perkhidmatan perniagaan, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Rundingan meliputi sektor-sektor lain seperti perkhidmatan kewangan dan pembinaan akan diselesaikan menjelang akhir 1998, katanya ketika pembukaan mesyuarat AEM ke-29 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Rundingan untuk meliberalisasikan perdagangan dalam perkhidmatan di kalangan negara anggota Asean dimulakan ketika Sidang Kemuncak Asean di Bangkok pada Disember 1995.

Sepanjang dua hari mesyuarat yang akan berlangsung, anggota Asean juga akan mengukuhkan prinsip-prinsip panduan Kawasan Pelaburan Asean (AIA) untuk terus meningkatkan daya saing rantau ini sebagai sebuah pusat pengeluaran antarabangsa, katanya.

AIA akan menyediakan persekitaran bebas bagi aliran modal dan kesan ketelusan, ramalan polisi serta amalan dalam pelaburan, dan rangka kerjanya dijangka akan disiapkan menjelang mesyuarat AEM ke-30 di Manila tahun depan.

Beliau berkata mesyuarat AEM ke-29 itu juga akan membincangkan mengenai strategi dan inisiatif ekonomi ke arah merealisasikan Wawasan 2020 Asean yang bertemakan "Kerjasama dalam Pembangunan Dinamik".

Wawasan 2020 Asean akan menjamin kumpulan itu bergerak maju sebagai sebuah rantau yang pesat membangun dan pada masa yang sama mengecilkan ketidak seimbangan dalam tahap pembangunan di kalangan negara-negara anggota.

Untuk merapatkan lagi hubungan dalaman serantau, menteri-menteri ekonomi Asean juga akan mengadakan perbincangan dengan MITI-Jepun, Hubungan Ekonomi Rapat (CER) negara-negara dari Australia dan New Zealand serta Komuniti Pembangunan Selatan Afrika (SADC).

Rafidah berkata hubungan antara rantau-rantau itu akan memberi faedah kepada negara-negara anggotanya menerusi aliran perdagangan dan pelaburan yang lebih besar kerana mereka akan dinilai berdasarkan kepada rancangan meliberalisasi perdagangan serta peluang-peluang sedia ada.

Pada masa yang sama, langkah-langkah pemudahan dan tambahan penghapusan halangan kepada perdagangan, akan menyumbang dalam usaha mengurangkan kos pelaksanaan urusan perdagangan bagi kedua-dua pengeksport dan pengimport, tambahnya.

Mengenai Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta), pelaksanaan pengurangan tarif di bawah skim Tarif Keutamaan Berkesan Sama Rata (CEPT) kini berjalan mengikut jadual.

AEM juga akan menangani beberapa masalah khas dan tata cara pemberitahuan sama ada di bawah keadaan-keadaan normal atau kecemasan bagi pelaksanaan pengurangan tarif CEPT. -- BERNAMA

AA ZK